



e-buletin UTMSPACE

EDISI 36 / 2015



PERLAWANAN PERSAHABATAN FUTSAL UTMSPACE BERSAMA KELAB MEDIA JOHOR KALI KE-2

UTMSPACE telah mengadakan satu perlawanan persahabatan futsal bersama Kelab Media Johor pada 30 September 2015. Perlawanan ini berlangsung di Daiman Sports Centre, Skudai. Ini merupakan perlawanan kali ke-2 antara UTMSPACE dan Kelab Media Johor bermula daripada tahun 2014.



Sebanyak 5 pasukan dari UTMSPACE (2 pasukan UTMSPACE KL, 2 pasukan UTMSPACE JB & 1 pasukan wanita UTMSPACE) yang telah bertanding. Selain itu, 4 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita mewakili Kelab Media Johor dalam perlawanan ini.



Tujuan perlawanan ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan baik yang sedia ada bersama pihak media, dan juga sebagai penghargaan kepada mereka yang telah banyak memberikan kerjasama dan liputan dalam acara anjuran UTMSPACE.



Perlawanan dirasmikan dengan sepak mula oleh En. Salleh bin Kassim, Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Bisnes seawal jam 8.30 malam. Perlawanan ini merangkumi acara peringkat kumpulan dan seterusnya ke peringkat kalah mati. Presiden Kelab Media Johor, Encik Mohd. Fauzi Ishak dan Timbalan Presiden Kelab Media Johor, Encik Raja Jaafar Raja Ali telah menyampaikan cenderahati kepada UTMSPACE dan juga menyempurnakan acara penyampaian pingat dan piala kepada pemenang.



Pemenang bagi perlawanan futsal kategori lelaki adalah seperti berikut :

- Tempat Pertama : Pasukan UTMSPACE JB (B)
- Tempat Kedua : Pasukan UTMSPACE KL (B)
- Tempat Ketiga : Pasukan UTMSPACE KL (A)

Pemenang bagi perlawanan futsal kategori wanita :

- Tempat Pertama : Pasukan MEDIA
- Tempat Kedua : Pasukan UTMSPACE

MAJLIS ANUGERAH DEKAN & HADIAH UTMSPACE SEMPERNA KONVOKESYEN KE-55 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR

Seramai 454 graduan Pengajian Separuh Masa UTMSPACE layak dianugerahkan sempena majlis Konvokesyen ke-55 UTM kali ini. Majlis Anugerah Dekan & Hadiah UTMSPACE telah diadakan di Dewan Sri Alam, Kolej Tun Fatimah, UTM Skudai pada 23 Oktober 2015 (Jumaat). Majlis ini menjadi satu upacara tradisi UTMSPACE bagi meraikan graduan pengajian separuh masa UTM yang telah memperolehi keputusan cemerlang dalam akademik sepanjang pengajian.

Jumlah graduan pada kali ini merangkumi 322 graduan Sarjana Muda dan 132 graduan Diploma pengajian separuh masa. Seramai 67 graduan yang hadir pada Majlis Anugerah Dekan & Hadiah UTMSPACE ini. Penerima Anugerah Dekan dan Hadiah Akademik UTMSPACE ini. Penerima Anugerah Dekan UTMSPACE yang mendapat Kelas Pertama adalah seramai 57 orang graduan. Turut diraikan adalah Penerima Anugerah Akademik seramai 34 orang graduan yang telah mendapat PNGK 3.50 dan ke atas. Antara hadiah yang diberikan kepada penerima anugerah adalah sebuah piala, sekelung pingat, wang tunai dan sekeping sijil.

Majlis penyampaian Anugerah Dekan ini telah disempurnakan oleh Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim, Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE. Beliau turut diiringi oleh Prof. Dr. Mohd Fua'ad bin Hj. Rahmat, Dekan SPACE. Selain daripada anugerah-anugerah tersebut, UTMSPACE juga berbesar hati memberikan Hadiah Khas UTMSPACE kepada graduan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Seramai 6 orang graduan (3 pasangan adik-beradik) yang telah menerima Hadiah Khas UTMSPACE manakala 6 pasangan Suami/Isteri menerima Hadiah Khas ini. UTMSPACE mengucapkan tahniah atas kecemerlangan dan berjaya menamatkan pengajian pada konvokesyen ke-55 UTM ini.



Antara yang menjadi perhatian pada majlis ini adalah graduan Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) iaitu Encik Mahathir bin Sayudin. Beliau merupakan penerima Anugerah Dekan dan penerima Hadiah Akademik UTMSPACE. Beliau juga turut berbangga kerana berjaya menamatkan pengajian bersama isteri tersayang sekaligus menjadi penerima Hadiah Khas UTMSPACE (kategori Suami/Isteri). Beliau mengucapkan terima kasih kepada UTM kerana program UTMSPACE ini telah memberi laluan kepada masyarakat untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi taraf pendidikan bagi golongan bekerja.

Semua penerima anugerah telah mengabadikan kenangan bersama Pengarah Urusan, Dekan SPACE, dan juga barisan pengurusan UTMSPACE dalam sesi penggambaran. UTMSPACE mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang berjaya dan terus cemerlang dalam kerjaya.



PROGRAM MINUM PETANG BERSAMA WAKIL INDUSTRI

Tarikh 7 September 2015 merupakan tarikh bersejarah untuk UTMSPACE. Buat pertama kali, UTMSPACE menganjurkan majlis minum petang UTMSPACE Lifelong Learning Partnership Hi Tea 2015. Majlis minum petang ini diadakan bersama dengan pihak industri untuk mewujudkan budaya pengajian sepanjang hayat di kalangan kakitangan dan syarikat.

Majlis dimulakan dengan ucapan pembukaan daripada Prof. Madya Dr. Zakaria bin Mohd Yusof, Pengarah bagi Pusat Pembangunan Profesional selaku wakil Pengarah Urusan UTMSPACE. Seterusnya, Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Bisnes UTMSPACE, Encik Salleh bin Kassim memberi sedikit kelebihan pemegang kad Program Sepanjang Hayat UTMSPACE tentang peranan dan produk yang ditawarkan oleh UTMSPACE.

Kad keahlian 'UTMSPACE Lifelong Learning Partner' turut diberikan kepada semua perwakilan syarikat yang datang hadir pada majlis minum petang tersebut. Terdapat banyak kelebihan yang ditawarkan dan UTMSPACE berharap ia dapat memberi lebih peluang kepada semua untuk memanfaatkan diskaun dan rebat yang diberikan.



Prof. Madya. Dr. Zakaria bin Mohd Yusof selaku Pengarah Bahagian Pembangunan Profesional tampil untuk memberikan penerangan tentang program-program diploma dan sijil profesional. Program-program dari Bahagian Program Profesional UTMSPACE sememangnya menjadi perhatian ramai khususnya kepada mereka yang ingin belajar tentang kemahiran yang terdiri daripada kursus-kursus pendek.

Pengurus Besar Bahagian Program Eksekutif, Dr. Maslan bin Othman menerangkan tentang semua program Bahagian Eksekutif termasuk program Diploma Profesional dan program Diploma Eksekutif.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah cabutan bertuah kepada wakil-wakil syarikat yang hadir. Diharap hubungan UTMSPACE dan pihak industri sentiasa terjalin dan dapat mengadakan hubungan kerjasama yang lebih rapat di masa akan datang.

Antara pihak industri yang telah hadir ke program Minum Petang UTMSPACE Lifelong Learning Partner adalah seperti berikut :

- ANTARA STEEL MILLS SDN BHD
- CCM CHEMICALS SDN BHD
- ALUPUTER MANUFACTURING (M) SDN BHD
- TANJUNG LANGSAT PORT SDN BHD
- JOHOR PORT
- TEPAK MARKETING SDN BHD
- CHOGOKU PAINTS (M) SDN BHD
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN (HCD)
- INFO GEOMATIK (M) SDN BHD
- MALAYSIA MARINE AND HEAVY ENGINEERING SDN BHD (MMHE)
- GRAND BANKS YACHTS SDN BHD
- LOTTE CHEMICAL TITAN SDN BHD
- SHERWIN-WILLIAMS (M) SDN BHD

PROGRAM REDAH SANTAI AIR TERJUN 2015

Sebuah program yang menguji fizikal & mental setiap peserta, Program REDAH SANTAI AIR TERJUN telah diadakan pada 31 Oktober 2015 di Pelepah Kiri Kota Tinggi Johor. Program ini merupakan anjuran bersama KESUKEB JB.



PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Kursus Pendek (Public)

NO	KURSUS	TARIKH	TEMPAT
1.	Aspek Bahasa Dalam Penulisan Surat Rasmi	28 - 29 Sept	Swiss-Garden Hotel & Residences, KL
2.	Kursus Penyediaan Tender & Sebutharga Kerja Bangunan	29 - 30 Sept	UTMSPACE Pulau Pinang
3.	AUTOCAD 2D & 3D	20 - 22 Okt	UTMSPACE KL
4.	Outcome Based Education and Assessments in Higher Education	27 - 28 Okt	UTMSPACE KL

In-House

NO	KURSUS	TARIKH	TEMPAT
1.	Marine Engineering Propulsion System - TLDM	1 - 11 Sept	KD Pelandok Lumut
2.	Naval Engineering Communication System - TLDM	1 - 11 Sept	KD Pelandok Lumut
3.	Microsoft Project 2010 for Beginner & Intermediate - TLDM	8 - 9 Sept	KD Pelandok Lumut
4.	Kursus Network Cyber Security - JHEXA	9 - 15 Sept	Professional i-Talent Development Sdn. Bhd. Ipoh, Perak
5.	Kursus Network Cyber Security - JHEXA	28 Sept - 9 Okt	KPerak Implementation & Coordination Corporation, Ipoh, Perak
6.	Ship Architecture and Design- TLDM	28 Sept - 9 Okt	KD Pelandok Lumut
7.	Radar and Navigation System - TLDM	29 Sept - 9 Okt	KD Pelandok Lumut
8.	Penyeliaan, Pemantauan dan Pelaksanaan Projek	Sept	Sibu Sarawak
9.	Kursus Pembinaan Jeti, Jambatan dan Penyediaan Sebut Harga	6 - 8 Okt	Sibu Sarawak
10.	Kursus Network Cyber Security - JHEXA	12 - 23 Okt	KPerak Implementation & Coordination Corporation, Ipoh, Perak
11.	Kursus Network Cyber Security - JHEXA	19 Okt - 7 Nov	PESDC Training Complex, Perak
12.	Kursus Network Cyber Security - JHEXA	26 Okt - 6 Nov	Kolej WIT, Ipoh, Perak

STAF YANG MENERIMA CAHAYA MATA - TAHNIAH !

Bil	Nama	Jantina Anak	Pusat/ Bahagian
1	Nur Fadhilah Binti Md Salleh	Lelaki	BHEA
2	Suhaila Binti Mahmud	Lelaki	PPSM
3	Rosnizam Bin Maarof	Lelaki	PPD
4	Suzelawati Binti Djoni @ Johan	Perempuan	BKW
5	Izian Halah Binti Mohd@Muda	Lelaki	PD
6	Liyana 'Adilah Binti Muhamad Saad	Lelaki	BKW
7	Zamrin Bin Hj Md Said	Lelaki	PKPO
8	Idris Bin Mat Zain	Perempuan	PKPO
9	Mohd Safwan Bin Ramli	Lelaki	PPK
10	Zakhirah Binti Muda	Perempuan	PPSM

SIDANG RIDAKSI

EDITOR | Farhan Khair bin Fawazul Khair

GRAFIK | Maria Ahmad

FOTOGRAFI | Syed Muhammad Hilmi bin Syed Yahya